

PRIMEDAZOL TABLET

Mebendazole (100mg/500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Primedazol
2. Bagaimana Primedazol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Primedazol
4. Cara menggunakan Primedazol
5. Semasa menggunakan Primedazol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Primedazol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Primedazol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan tunggal atau beberapa jenis cacing seperti cacing benang, cacing gelang, cacing cambuk, cacing tambang dan cacing pita.

Bagaimana Primedazol berfungsi

Primedazol mengandungi mebendazole, tergolong dalam kumpulan ubat yang menghapuskan jangkitan cacing. Ia membunuh cacing dalam masa beberapa hari selepas mengambil ubat.

Sebelum menggunakan Primedazol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Primedazol jika ada alahan kepada mebendazole atau bahan tidak aktif dalam Primedazol. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Jangan mengambil ubat jika hamil atau menyusukan anak.

- Sebelum menggunakan Primedazol

Jika dalam dos rawatan tinggi, ambil ubat selepas makan terutama makanan berminyak untuk meningkatkan serapan ubat ke dalam badan.

- Jika mengambil ubat-ubut lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Primedazol

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa atau kanak-kanak lebih 2 tahun: Jangkitan cacing benang: oral, 100mg dos tunggal. Diulangi, jika perlu selepas 2 – 3 minggu.
Jangkitan cacing lain: oral, 100mg dua kali sehari, pagi dan petang untuk tiga hari, atau oral, 500mg dos tunggal. Jika perlu, rawatan diulangi dalam masa 2 -3 minggu. Nota: Tablet perlu ditelan tanpa dihancurkan atau dicampur dengan makanan. Tempoh rawatan perlu dihabiskan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak

memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Primedazol

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Primedazol. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Primedazol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan Primedazol harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

Kesan-kesan sampingan

Primedazol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan sampingan biasanya ringan dan sementara;

sakit abdomen dan cirit-birit mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Primedazol

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering bawah suhu 30°C. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Primedazol 100: Tablet bulat berwarna jingga muda, permukaan rata, berskor atas dan perisa oren.

Primedazol 500: Tablet bulat warna kuning, permukaan rata, berskor atas dan berperisa vanilla.

- Bahan-bahan kandungan

Primedazol 100:

- Bahan aktif: mebendazole
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose, polyvinylpyrrolidone, orange flavor, magnesium stearate dan sunset yellow lake.

Primedazol 500:

- Bahan aktif: mebendazole
- Bahan tidak aktif: cornstarch, aerosil 200, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, microcrystalline cellulose, perisa vanilla, mannitol dan aspartame

- Nombor MAL

Primedazol 100: MAL19912088X

Primedazol 500: MAL19912110X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/05/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)18052017/00107